

0222

U 0218 BAH  
MAHATHIR - PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 11 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN HARAPAN PROJEK TAMAN PERTANIAN MALAYSIA, DI BUKIT CERAKAH, SHAH ALAM DEKAT SINI AKAN MUNCUL SEBAGAI PUSAT REKREASI DAN DAYA PENARIK PELANCONG YANG TERKENAL DARI DALAM DAN LUAR NEGERI.

BELIAU BERKATA INI KERANA JIKA PROJEK ITU BERJAYA DILAKSANAKAN, IA AKAN MENJADI SATU-SATUNYA TAMAN PERTANIAN YANG UNIK DI DUNIA.

KATANYA, BELIAU AMAT KAGUM DENGAN PROJEK YANG DIILHAMKAN OLEH MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID SUPAYA TAMAN PERTANIAN INI SETANDING DENGAN TIVOLI DI ITALY, KEW GARDENS DI LONDON DAN DISNEYLAND DI AMERIKA SYARIKAT.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA, SELEPAS MENGADAKAN LAWATAN SEHARI SUNTUK KE TAMAN PERTANIAN ITU YANG LUASNYA 856 HEKTAR DI IBU NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.

BELIAU YAKIN PROJEK ITU YANG TERLETAK DALAM HUTAN ASAL DITANAM PULA DENGAN PELBAGAI TANAMAN PERTANIAN SEPERTI PADI, KELAPA SAMIT, ORKID, CENDAMAN DAN LAIN-LAIN AKAN DAPAT MEMARIK RAMAI PELANCONG TERUTAMANYA PADA Hujung MINGGU. --LAGI

1758MST 11 09 88

0234

U 0222 BAH  
MAHATHIR - PERTANIAN 2 KUALA LUMPUR

MEMURUT PERDANA MENTERI, SETIAP APA YANG DIBUAT ADA PIHAK YANG AKAN MEMIRUNYA, NAMUN MALAYSIA MENANG TERKENAL SEBAGAI PELOPOR DALAM BIDANG PERTANIAN.

BELIAU JUGA KAGUM KERANA PROJEK ITU DILAKUKAN OLEH PARA PEGAWAI DI BAWAH JABATAN DAN AGENSI KEMENTERIAN PERTANIAN DENGAN SUKARELA DILUAR TUGAS BIASA MEREKA DAN JUGA TANPA MEMERLUKAN PERUNTUKAN KHAS DARI KERAJAAN BAGI PROJEK ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NIMAT BEGITU SUDAH TENTU AKAN MEMBERIKAN LEBIH SEHANGAT UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA.

BELIAU JUGA SANGAT BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN SELANGOR KERANA TELAH MEMBERIKAN TANAH TERSEBUT BAGI KEGUNAAN KEMENTERIAN PERTANIAN BAGI TUJUAN TERSEBUT.

KATAYA, KERJASAMA SEDEMIKIAN ERAT, TANPA SELISIH FAHAM ANTARA KERAJAAN NEGERI SELANGOR DENGAN KERAJAAN PUSAT AKAN LEBIH MUDAH DAN MEMPERCEPATKAN LAGI PROSES PEMBAGUANAN NEGARA --LAGI

1821MST 11 09 88

U 0230 BAH  
MAHATHIR - PERTANIAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP KERAJAAN SELANGOR AKAN MENINDANG UNTUK MEMBERIKAN DUA KAWASAN AMPANGAN AIR YANG TERBIAR BEKAT SITU UNTUK DIMASUKKAN KE DALAM TAMAN TERSEBUT.

BELIAU BERKATA KEDUA-DUA AMPANGAN ITU DAHULUNYA MERUPAKAN PUNCA BEKALAN AIR KE KELANG TETAPI KINI TIDAK DIGUNAKAN LAGI DAN AKAN KELIHANTAN BEGITU INDAH SEKALI JIKA DIJADIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA TAMAN ITU.

MENGENAI PERUNTUKAN TAMAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SETAKAT INI TIDAK ADA PERUNTUKAN RASMI KEPADA TAMAN ITU, HANYA MELALUI PERUNTUKAN UMUMNYA JABATAN DAN MUKIM KEMENTERIAN ITU MEMPUNYAI SIMPANAN UNTUK TUJUAN INI.

BELIAU BERKATA, TETAPI DI MASA DEPAN KERAJAAN TERPAKSALAH MEMBERIKAN PERUTUKAN KHUSUS UNTUKNYA KERANA IA MELIBATKAN KAWASAN YANG LUAS.

KATANYA INI BERMAKNA KERAJAAN TERPAKSA MEMBERIKAN PERUNTUKAN KHUSUS UNTUK PENTADIRAM TAMAN INI YANG APABILA SIAP NANTI SUDAH PASTI RAMAI ORANG AKAN MENGUNJUNGINYA DAN MENAMBAH DENGAN INI IA MEMERLUKAN KAWALAN KESELAMATAN YANG BAIK SUPAYA TIDAK BERLAKU KEROSAKAN DAN GANGGUAN TERHADAP TANAMAN DAN BINATANG DI TAMAN ITU.

PERDANA MENTERI TELAH DIBERIKAN TAKLIMAT MENGENAI TAMAN ITU OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN JABATAN PERHUTANAN.

-- BERNAMA  
1853MST 11 09 88